



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR SABAH

Aras 3, Blok B
Wisma Pertanian Sabah
Jalan Tasik, Luyang
Beg Berkunci 2051
88999 Kota Kinabalu, Sabah
Tel: 088-287400/418 Faks: 088-238418



Ruj. Kami : DVS (UR) 100-44/1 (34)
Tarikh : 29hb Ogos 2024

**KEPADA SEMUA
ANGGOTA DVS SABAH,
PENTERNAK HAIWAN,
PENJUAL DAN PENGILANG/PEMBUAT MAKANAN HAIWAN**

Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) SABAH MENGENAI
PELAKSANAAN "PHASING OUT PLAN ANTIMICROBIAL" DALAM MAKANAN HAIWAN
SEBAGAI PENG GALAK TUMBESARAN DAN PENCEGAHAN PENYAKIT (PROPHYLAXIS)**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan surat daripada Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan rujukan KKM.600-18/2/88 Jld.3(62) bertarikh 15 Ogos 2024.

02. Selaras dengan keputusan yang diambil oleh pihak KKM dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Persekutuan mengenai pelaksanaan "Phasing Out Plan Antimicrobial", bermula pada 1 Januari 2025, pihak DVS Sabah akan menguatkuasakan undang-undang di bawah Enakmen Makanan Haiwan 2021 untuk melarang penggunaan empat (4) jenis racun iaitu **Tiamulin**, **Trimethoprim**, **Virginiamycin** dan **Zinc Bacitracin** dalam makanan haiwan sebagai penggalak tumbesaran atau untuk tujuan pencegahan penyakit (prophylaxis).

03. Kerjasama pihak Tuan/Puan berkaitan perkara ini adalah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


[DR. MARY JOSEPHINE S. GOLINGAI]
No. MVC 332
Pengarah Perkhidmatan Veterinar Sabah

s.k; Timbalan Pengarah Bahagian Kesihatan Veterinar, DVS Sabah
Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Industri Ternakan, DVS Sabah

MG/mg

'SABAH MAJU JAYA'

